



Suara

BANDARAYA

NOVEMBER-DISEMBER 1997

NASKAH PERCUMA

ISSN 0128-1594



GEMBIRA...Insp. Halimah Hj. Mohammad menerima Pingat Khidmat Terpilih Kelas III dan sijil penghargaan daripada Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah membuat teguran terhadap kebersihan Kuala Lumpur. Walaupun teguran itu lebih menekankan kepada sikap dan tabiat orang ramai yang suka membuang sampah merata-rata dan menyebabkan kekotoran, DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan perlu memikirkan cara untuk mengikis sikap dan tabiat buruk itu.

DBKL perlu menganggap teguran Perdana Menteri itu sebagai satu cabaran serius yang perlu diselesaikan dengan cara yang bijaksana. DBKL bertanggungjawab untuk memberikan pengajaran dan pendidikan khususnya melalui tindakan berbentuk penguatkuasaan supaya lebih berkesan dan menjadi contoh kepada orang ramai," ujar Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff di Upacara Perbarisan Hari Direktorat Penguatkuasaan ke 28 di

Taman Tasik Titiwangsa.

"Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel ke 16 pada tahun 1998 yang melibatkan penyertaan kira-kira 5,000 ahli sukan dari seluruh dunia. Persiapan-persiapan dari segi fizikal dan

terletak di bahu tuan-tuan sebagai Anggota Penguatkuasa," kata Tan Sri Dato' Kamaruzzaman.

Datuk Bandar mengingatkan anggota penguatkuasa supaya lebih peka dan memahami tanggungjawab mereka serta berkeyakinan bahawa segala tindakan penguatkuasa yang diambil harus berlandaskan kepada undang-undang DBKL yang sedia ada. Ini penting kerana sebagai anggota yang beruniform dan mempunyai urusan secara terus dengan orang ramai, mereka perlu menjaga imej dan kewibawaan DBKL sebagai sebuah penguasa tempatan yang bertanggungjawab dalam mentadbirkan bandar raya.

Sebagai pasukan yang beruniform, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan tahap disiplin diri semasa menjalankan tugas dan selepas waktu bertugas sentiasa dikekalkan. Dengan mempunyai tahap disiplin yang tinggi tanpa menyalahgunakan kuasa dan tidak mementingkan diri semasa melaksanakan

TEGURAN PERDANA MENTERI SATU CABARAN

WAN ABDULLAH GHANI

logistik sedang giat dirancang dan dilaksanakan, DBKL memainkan peranan dan tanggungjawab yang dalam memastikan kejayaan sukan terbesar itu," ujar Datuk Bandar Kuala Lumpur.

"Tidak salah jika saya katakan sebahagian daripada tanggungjawab tersebut terutamanya tindakan-tindakan yang berbentuk kawalan dan penguatkuasaan

samb. ke muka 48



Rencana Menarik Suara Bandaraya

NOVEMBER-DISEMBER 1997

- 1/48** Teguran Perdana Menteri Satu Cabaran **2** Rencana Menarik **3** Suara Editor/Jangkaan Semakin Tinggi
4 Hai-Hai Lain/ Pelajar Tunjuk Jaguh **5** The City Of Hiroshima **6/7** Kuala Lumpur:A Squatter Free Zone
8 Kuala Lumpur The Beautiful City **9** Tanggungjawab Sosial Elakkan Vandalisme **10/11** Vientiane Harap Kerjasama
 Kuala Lumpur **12** Kuala Lumpur Fantastik **13/15** Penguatkuasa 28 Tahun **14** Kuala Lumpur Dinamik
16/17 Lahirkan Pekerja Cergas **18/42** Kakitangan Rumah Rehat Kian Mantap **19** Sajak: Di Tasik Ini
20/21 Bernenti Merokok **22** Tarik,Tarik,Tarik... **23** DBKL Raikan Bekas Pekerja **24/25** The 5th Summit
 Conference in Moscow **26/27** Warga Rumah Pangsa Perlu Ubah Sikap **28/29** Program Nadi Bantu Warga
 Kota **30** Amil Salleh Tukar Haluan **31** Pengalaman Amali Uji Shema **32/33** M.Nasir Minat Kartun
34/35 Pegawai DBKL Terima Bintang **36** Syarat Baru Bagi Pekerja **37** Harun Terkenang Zaman Silam
38/39 Melahirkan Semangat Baru **40/41** Utah Uji Ketahanan Mental Dan Fizikal
43 Sudut Fatwa/Sajak **44** Pustaka Bergerak Bantu Pelajar Dan Remaja **45** Pasukan Golf DBKL Rangkul Juara
46 Dzulkifli Menang Kereta Mewah **47** Rani Tidak Dapat Lupakan Piala Thomas

Suara Bandaraya

EDITORIAL

Penasihat:

Sanusi bin Samid

Editor:

Sariffuddin Ibrahim

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd.

Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

Md.Ismail Isnin

Edaran

Khalid Mohd.Doom

Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani,
Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan
Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat	
Bangunan DBKL	- 2916011
Hot Line (24 Jam)	- 4231127
Unit Kecemasan 24 Jam	
(JPBandar)	- 9843434
Skuad Penyelamat 24 Jam	
(DPenguatkuasaan)	- 4220033
Aduan Awam	- 2934531
Aduan JKAL	- 2915128
Aduan JPPerumahan	- 2912112
	- 2911686
JPelelesen	- 2986177
JP Penjaja	- 2621988
DPenguatkuasaan	- 4231133
JPengangkutan Bandar	- 2910555
JPPerumahan	- 2938166
Bhg. Keb. & Sukan	- 2933344
B Ukur-Bahan	- 4417011
Pej. Caw. Cheras	- 9711889
Pej. Caw. Damansara	- 7182277
Pej. Cawangan	
Jln Kelang Lama	- 7826117
Pej. Caw. Kepong	- 6272900
Pej. Caw. Setapak	- 4211142

JANGKAAN SEMAKIN TINGGI

Selari dengan pembangunan negara yang pesat, ekspektasi dan harapan penduduk rakyat semakin meningkat untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkesan, berkualiti dan menyeluruh.

Pada masa yang sama, bandar besar seperti Kuala Lumpur mengalami pertumbuhan penduduk terutama dengan penghijrahan dari luar bandar serta pekerja-pekerja asing yang mencari rezeki di Kuala Lumpur. Disamping Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada beberapa persidangan antarabangsa dan yang paling besar menjadi tuan rumah Sukan Komanwel tahun 1998.

Perkhidmatan awam kini berubah kepada perkhidmatan yang lebih baik. Corak kerja hari ini telah berubah. Corak kerja yang lemah dan sambil lewa yang berunsur mediocre tidak lagi mempunyai tempat dalam perkhidmatan awam.

Kakitangan kerajaan harus melengkapkan diri dari segi mental dan rohaniah untuk menghadapi cabaran-cabaran pembangunan. Jabatan-jabatan kerajaan perlu menyediakan logistik dan menggunakan teknologi yang cukup bagi meningkatkan sistem pentadbiran dan pengurusan.

Penggunaan teknologi penting untuk memenuhi jangkaan-jangkaan tinggi daripada pelanggan-pelanggan sama ada dari luar negeri atau penduduk-penduduk tempatan yang meliputi berbagai kumpulan. Agensi kerajaan perlu melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan pendidikan bagi faedah warga kota supaya rancangan dan perkhidmatan yang diberikan akan dapat memanfaatkan mereka dan mendapat sambutan baik.

Kita harus berbangga dengan kemajuan dan keindahan pembangunan ekonomi negara. Dahulu Malaysia tidak istimewa dan membangun seperti sekarang. Dahulu taman-taman tidak secantik sekarang dan kurang menarik. Konsep landscape belum difahami ramai, manakala bangunan-bangunan tidak secanggih dan sehebat sekarang.

Hari ini segalanya telah dan sedang berubah dengan pesatnya. Perubahan terhadap pembangunan ekonomi, kebersihan dan keindahan Malaysia adalah berkat usaha kita dan sokongan padu oleh agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta. Penjawat awam harus memberi khidmat yang terbaik yang bermatlamatkan kecemerlangan.

Tanggungjawab mereka adalah luas dan berat. Tanggungjawab pekerja sektor awam akan berterusan dan tidak ada penghujungnya. Cabaran dan masalah akan berterusan datang dan pergi. Agensi kerajaan harus menempuh segala cabaran di samping berusaha menyelesaikan segala macam masalah. Mereka mempunyai kelebihan yang dianugerahkan oleh Tuhan. Mereka boleh bekerja dan berusaha dengan penuh minat, dedikasi, tabah dan sabar agar apa yang dihasilkan berkualiti dan segala masalah dapat ditangani di samping dapat mencapai satu kecemerlangan yang unggul.

Malaysia sedang menghadapi era pembangunan yang pesat, disusuli dengan jangkaan tinggi (expectation) rakyat. Selaras dengan perkembangan itu, kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang difikirkan cukup untuk melaksanakan projek-projek pembangunan, kerja-kerja penyenggaraan dan perkhidmatan bagi faedah semua golongan masyarakat.

Selaras dengan ledakan teknologi maklumat dewasa ini, maka aspek latihan di kalangan kakitangan meliputi semua peringkat diberi keutamaan. Lebih ramai kakitangan dan pekerja-pekerja dihantar mengikuti kursus-kursus supaya mereka boleh memperolehi pengetahuan baru bagi mempertingkatkan lagi mutu pengurusan dan pentadbiran, serta membudayakan sikap dengan pendedahan pengajaran rohaniah.